



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM JUALAN MALAYSIA TAHUN 2022
PERINGKAT KEBANGSAAN**

PADA

29 JANUARI 2022 (SABTU)

MASA

3 PETANG

TEMPAT

**PAVILION KUALA LUMPUR,
JALAN BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR**

Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam daripada YAB Perdana Menteri kerana beliau tidak dapat hadir pada hari ini dan memohon saya untuk mewakili bagi melancarkan **Program Jualan Malaysia 2022** pada petang ini. Justeru, izinkan saya membacakan teks ucapan YAB Perdana Menteri.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

1. Syukur ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada petang yang berbahagia ini pada **Majlis Pelancaran Program Jualan Malaysia Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan**.
2. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan semua pemain industri sektor peruncitan yang bersama-sama berganding bahu untuk menjayakan majlis ini.
3. Program Jualan Malaysia Tahun 2022 atau PJM 2022 ini adalah salah satu usaha berterusan kerajaan untuk menyokong pemulihan ekonomi khususnya sektor peruncitan di dalam negara

selain mengembalikan keyakinan Keluarga Malaysia sebagai pengguna untuk keluar berbelanja di seluruh negara, sekaligus meningkatkan daya saing perdagangan domestik.

4. Selari dengan matlamat tersebut, KPDNHEP telah merancang pelaksanaan PJM 2022 yang berteraskan konsep **3R** iaitu **Recovery** (pemulihan), **Revitalise** (merancakkan) dan **Revive** (menghidupkan semula) sektor peruncitan yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara.
5. Bermula bulan Januari hingga Disember 2022, program ini akan menawarkan jualan murah yang merangkumi **Segmen Musim Perayaan, Segmen Jualan Mega dan Jualan Akhir Tahun dan Segmen Jualan Khusus** dengan **Iapan Program Utama** yang telah dirancang dan diselaraskan oleh KPDNHEP di seluruh negara.
6. Bagi menyokong inisiatif PJM 2022 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM10 juta** di bawah Bajet 2022 khusus untuk promosi dan kempen menggalakkan Keluarga Malaysia berbelanja dan merancakkan ekonomi negara di pelbagai peringkat.
7. Inisiatif PJM ini akan dilaksanakan sepanjang tahun ini di seluruh negara bagi membolehkan rakyat dapat berbelanja dengan

tawaran harga yang murah dan berpatutan melalui pelbagai segmen.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

8. Pada 2 Disember 2021 yang lalu, saya juga telah melancarkan **Jualan Keluarga Malaysia Barangan Asas** di Kawasan PPR Kerinchi, Kuala Lumpur. PJKM Barangan Asas ini adalah satu langkah segera kerajaan untuk membantu meringankan perbelanjaan rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan asas.
9. Melalui segmen PJKM Barangan Asas ini ia diharap dapat membantu meringankan kos perbelanjaan rakyat untuk mendapatkan barangan asas dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.
10. Alhamdulillah, segmen PJKM Barangan Asas ini telah berjaya diperluaskan ke 222 kawasan Parlimen di seluruh negara dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai di mana barangan keperluan asas telah ditawarkan dengan harga serendah 20% daripada harga pasaran.
11. Langkah-langkah yang diambil kerajaan adalah bersifat tindakan segera serta jangka panjang. Pada Isnin ini, saya sendiri akan

mempengerusikan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi mendapatkan perincian dalam menangani kenaikan harga barang.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

12. Program Jualan Malaysia 2022 ini juga, selain dapat menjamin rakyat mendapat perbagai barangan dengan harga yang murah, kerajaan juga telah menyasarkan untuk mencapai nilai jualan sektor peruncitan sebanyak **RM500 bilion** pada tahun 2022.
13. Ia merupakan satu usaha serampang dua mata oleh kerajaan untuk menstabilkan harga barangan di pasaran, di samping dapat membantu pemulihan sektor peruncitan kesan daripada pandemik COVID-19 kepada **paras sebelum pandemik pada tahun 2019, iaitu nilai jualan sebanyak RM537.6 bilion** pada tahun tersebut.
14. Sumbangan sektor peruncitan adalah sangat signifikan kepada pemulihan negara. Sektor ini juga telah menyumbang sebanyak **17.2%** kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2019 serta menjana **2 juta** peluang pekerjaan kepada pasaran Malaysia.

15. Atas sifat keterangkuman Keluarga Malaysia, saya juga berharap pemain industri untuk turut memberi ganjaran kepada para pekerja yang menjadi tulang belakang kepada perniagaan mereka.

16. Melalui perkongsian kemakmuran, saya amat yakin ia akan memberi limpahan ekonomi lokal kepada keluarga pekerja terbabit yang akan terus berbelanja di persekitaran mereka sekaligus merancakkan ekonomi domestik.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

17. Melalui inisiatif PJM 2022 juga, kerajaan akan melaksanakan kempen dan promosi jualan murah dengan memastikan pematuhan kepada norma-norma baharu. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 juga telah menggariskan langkah-langkah yang perlu dipatuhi oleh semua pemain industri untuk memastikan pengguna dapat keluar berbelanja dengan selamat.

18. Sehubungan dengan itu, Keluarga Malaysia sewajarnya tidak perlu khuatir untuk keluar berbelanja dalam merancakkan ekonomi tetapi turut memastikan SOP sedia ada terus dipatuhi pada masa yang sama. Keluarlah untuk berbelanja *dan **Belanjalah Untuk Malaysia.***

19. Ekonomi negara kita sekarang ini berada pada landasan yang tepat ke arah pemulihan, berdasarkan pembukaan semula lebih 90% sektor ekonomi dan kebanyakan aktiviti sosial. Pemulihan tersebut disokong oleh kadar vaksinasi yang tinggi dengan hampir keseluruhan populasi dengan divaksinasi, malah lebih 40% Keluarga Malaysia telah lengkap mendapat dos penggalak.
20. Kerajaan akan terus melindungi nyawa dan kehidupan rakyat daripada ancaman COVID-19 dan mengutamakan pemulihan pasca banjir di samping memastikan prospek pertumbuhan ekonomi jangka sederhana dan panjang.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

21. Pelancaran PJM 2022 ini sangat istimewa memandangkan kita akan menyambut perayaan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi. Tahun ini, masyarakat Tiong Hua akan menyambut Tahun Harimau yang membawa simbol keberanian, keyakinan dan keazaman yang tinggi.
22. Mengambil semangat Tahun Harimau ini, marilah kita bersama-sama sebagai satu Keluarga Malaysia untuk menjayakan PJM 2022 untuk memulihkan semula dan merancakkan ekonomi negara.

23. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan “**Gong Xi Fa Chai**”, “**Xin Nian Kuai Le**” kepada semua masyarakat Tiong Hua. Semoga sambutan tahun baharu kali ini membawa kemakmuran, kebahagiaan dan kesihatan yang baik untuk seluruh Keluarga Malaysia.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

24. Akhir kata, saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada **KPDNHEP, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPK), Malaysia Retail Association (MRA), Malaysia Retail Chain Association (MRCA), Bukit Bintang Kuala Lumpur City Centre Tourism Association (BBKLCC)** dan pihak pengurusan **Kuala Lumpur Pavilion Sdn. Bhd.** serta semua pihak yang bertungkus lumus bagi menjayakan majlis kita pada petang ini.

25. Justeru saya dengan ini, merasmikan **Program Jualan Keluarga Malaysia Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan**

Sekian, terima kasih.